

Galakan b-putera ceburi perniagaan

KOTA KINABALU: Timbalan Ketua Menteri, Datuk Wences Angang menyarankan Kementerian Pembangunan Usahawan supaya menyediakan dana kepada usahawan bumiputera di negeri ini sebagai galakan untuk mereka menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan.

Katanya, penyediaan dana penting memandangkan bakal usahawan di Sabah sering menghadapi masalah di segi modal untuk mengusahakan perniagaan mereka.

"Kita berharap kementerian berkenaan dapat menyediakan dana tersebut terutama kepada mereka yang terbabit dalam Program Pembangunan Keusahawanan Bumiputera," katanya pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (Sedco) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di salah sebuah hotel terkemuka di sini, Isnin lepas.

Majlis itu dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Perindustrian, berkata kementeriannya sentiasa menyokong sebarang usaha Kementerian Pembangunan Usahawan bagi memastikan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera dilaksanakan dengan



PENGHARGAAN ... Wences menerima cenderahati daripada pengerusi Sedco, Datuk Yahya Lampong pada majlis itu.

jayanya.

Menurutnya, sebuah jawatankuasa Tindakan Resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001 diwujudkan di kementeriannya sebagai susulan Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah yang diadakan pada Mac tahun 2001.

"Resolusi-resolusi tersebut kini dalam

perhatian dan tindakan kerajaan baik di peringkat negeri mahu pun di peringkat Persekutuan," katanya.

Sehubungan itu, Wences mengingatkan usahawan bumiputera di negeri ini supaya mengubah sikap yang menghalang mereka daripada mencapai kejayaan.